

# Dr. Mahathir ucap terima kasih kepada penduduk Kubang Pasu

JM 5 JUL 2002

JITRA 5 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan penghargaan dan terima kasih terhadap penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu yang telah memberi sokongan kepada beliau sejak menjadi wakil rakyat mereka pada 1974.

Kata Perdana Menteri, berkat sokongan penduduk selama ini membolehkan beliau memenangi kerusi Parlimen Kubang Pasu setiap kali pilihan raya umum walaupun ada ketika ditentang oleh calon pembangkang.

Dr. Mahathir menjelaskan walaupun beliau telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan dalam parti dan kerajaan selepas Okto-

ber tahun depan, beliau akan terus berkhidmat untuk negara, parti dan rakyat.

“Saya akan cuba buat seberapa daya yang boleh dalam tempoh 16 bulan ini,” katanya ketika berucap pada upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemuning dekat sini, hari ini.

Inilah kali pertama Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO pulang ke kawasan Parlimennya setelah bercuti ke luar negara selama 10 hari, selepas mengumumkan peletakan jawatan dalam kerajaan dan parti pada Perhimpunan Agung UMNO pada 22 Jun lalu.

Beliau bagaimanapun ber-

setuju untuk menangguhkan persaraannya selepas Oktober 2003 setelah menerima desakan daripada rakyat dan pelbagai pihak terutama pemimpin UMNO.

Terdahulu, Dr. Mahathir dan isteri, Datuk Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali disambut oleh kira-kira 10,000 ahli dan penyokong parti komponen BN di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar.

Ketika berucap di situ, Dr. Mahathir juga turut mengucapkan terima kasih kepada mereka kerana menyambut kepulangannya dan memberi sokongan selama ini kepada beliau dalam memimpin parti dan kerajaan.

“Saya bersyukur kerana di Malaysia kita dapat mengadakan politik dengan aman yang mana peralihan kepimpinan dapat dilaksanakan dengan mudah dan tanpa masalah,” katanya.

Di kebanyakan negara lain, menurut beliau, belum pun seorang pemimpin itu bersedia untuk mengundurkan diri, ramai yang akan cuba menumbangkannya.

“Bukanlah perkara ini tidak pernah berlaku di Malaysia, saya juga diancam dulu, tetapi berkat sokongan majoriti ahli UMNO dan rakyat, saya dapat kekalkan jawatan.

“Takkanlah kita nak jadi pemimpin selamanya, tetapi

ada sesetengah orang nak jadi pemimpin sampai habis hayat,” katanya lagi.

Menurut Dr. Mahathir, beliau tidaklah berhasrat untuk menjadi pemimpin sehingga akhir hayat kerana perlukan rehat sementara dirinya masih sihat.

“Jadi semasa saya masih sihat, saya membuat pengumuman mengejut untuk meletakkan jawatan kerana kalau saya tak buat macam itu, satu hari saya kena berhenti juga,” ujar Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir juga menyatakannya terhutang budi kepada UMNO dan Barisan Nasional kerana tanpa sokongan itu, beliau bukan sahaja tidak dapat menjadi pe-

mimpin, tetapi tidak dapat melaksanakan pelbagai dasar dan perancangan untuk membangunkan negara.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Dr. Mahathir berkata beliau bersyukur kerana rakyat masih memberikan sokongan walaupun telah lama menjadi wakil rakyat.

“Biasanya apabila seorang itu menjadi wakil rakyat terlalu lama, orang benci dan meluat, tetapi di sini saya tidak nampak perasaan semacam itu,” katanya lagi.

Kata Dr. Mahathir, kekuatan kerajaan Malaysia bergantung kepada sokongan rakyat membentuk kerajaan yang berwibawa.